



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon Bumiputera Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan **tetap/ kontrak/ sementara** di Kampus Shah Alam dan Cawangan bagi memenuhi Wawasan 2020 Negara.

I. JAWATAN

BIL	JAWATAN	GREDE	STATUS JAWATAN	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI				
1.	JURUAUDIT	W41	Tetap	Juruaudit	P1T1	RM1702.81	-	P1T27	RM4688.95
					P2T1	RM1798.82	-	P2T27	RM4968.61
					P3T1	RM1899.01	-	P3T27	RM5255.39
2.	PEGAWAI DIETETIK	U41	Tetap	Pegawai Dietetik	P1T1	RM1999.19	-	P1T24	RM4723.81
					P2T1	RM2095.20	-	P2T24	RM5022.83
					P3T1	RM2195.39	-	P3T24	RM5317.92
3.	PENGURUS ASRAMA	N41	Tetap	Pengurus Asrama	P1T1	RM1690.28	-	P1T27	RM4640.28
					P2T1	RM1784.90	-	P2T27	RM4918.55
					P3T1	RM1883.70	-	P3T27	RM5220.62
4.	JURURAWAT	U29	Sementara	Jururawat	P1T1	RM1160.69	-	P1T27	RM3057.39
					P2T1	RM1231.78	-	P2T27	RM3279.74
					P3T1	RM1305.89	-	P3T27	RM3476.28
5.	PENOLONG PEGAWAI FARMASI	U29	Tetap	Penolong Pegawai Farmasi	P1T1	RM1160.69	-	P1T27	RM3057.39
					P2T1	RM1231.78	-	P2T27	RM3279.74
					P3T1	RM1305.89	-	P3T27	RM3476.28
6.	PEMBANTU PERPUSTAKAAN	S17	Tetap	Pembantu Perpustakaan	P1T1	RM820.38	-	P1T24	RM2151.35
					P2T1	RM871.81	-	P2T24	RM2272.50
					P3T1	RM924.75	-	P3T24	RM2397.95

SYARAT LANTIKAN

1) JURUAUDIT (GREDE W41)

1.1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c)
 - (i) Ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41:P1T3); atau
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41:P1T8); atau
 - (iii) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41:P1T8); atau

- (iv) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41:P1T9); atau

- (v) Ahli Penuh Institusi Akauntan Malaysia

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41:P1T10);

dan

- (d) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan

Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Juruaudit adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Juruaudit Gred W41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a)
 - (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
 - (ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan

2) PEGAWAI DIETETIK (GRED U41)

2.1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) Ijazah Sarjana Muda Sains Kepujian dalam bidang ilmu kaji diet yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan ialah pada Gred U41:P1T1);

dan

- (d) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan

3) PENGURUS ASRAMA (GRED N41)

3.1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c)
 - (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41:P1T3)

dan

- (d) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan

Keutamaan adalah diberi kepada calon yang mempunyai kelayakan ijazah sarjana muda dalam bidang *Food Technology, Food Service Management, Culinary Arts, Teknologi Makanan, Hotel and Catering Management* dan *Institutional and Catering Management*.

Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pengurus Asrama adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pengurus Asrama Gred N41, tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan

4) JURURAWAT (GRED U29)

4.1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan

Kelayakan Lantikan Ke Gred U29

- (c) Diploma Kejururawatan daripada institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29:P1T6);

dan

- (e) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Jururawat dan Jururawat Masyarakat adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Jururawat Gred U29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan
- (b) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan

5) PENOLONG PEGAWAI FARMASI (GRED U29)

5.1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Diploma Pembantu Farmasi daripada Sekolah Latihan Pembantu Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29:P1T6); atau

- (ii) Diploma dalam bidang farmasi yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29:P1T6);

dan

- (d) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf dengannya oleh kerajaan

6) PEMBANTU PERPUSTAKAAN (GRED S17)

6.1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

dan

- (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

IV. PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- a. Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan dengan salinan rekod perkhidmatan yang dikemaskini.
- b. Hanya permohonan yang ditapis-senarai akan dipanggil untuk temuduga. Pemohon yang dipanggil **TEMUDUGA SAHAJA** perlu membawa dokumen-dokumen asal dan salinan sijil-sijil yang telah **DISAHKAN** beserta dengan borang permohonan yang telah dicetak untuk diserahkan kepada setiausaha temuduga.
- c. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan daripada pihak universiti selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka TIDAK BERJAYA.
- d. Pemohon-pemohon mestilah bersedia untuk berkhidmat di kampus-kampus cawangan.

V. CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

a. Untuk Bukan Staf UiTM

Permohonan hendaklah dibuat dengan melayari laman web UiTM di <http://iapps.uitm.edu.my/epengambilanstaf/> dan membuat permohonan secara atas talian (“ON-LINE”) sahaja dengan mengisikan maklumat yang diperlukan.

b. Untuk Staf UiTM sahaja

Permohonan dari **Staf UiTM berstatus tetap/kontrak/semntara** di mana pelantikan dibuat melalui Bahagian Pengurusan Perjawatan UiTM, hendaklah dibuat melalui sistem aplikasi atas talian (“ON-LINE”) melalui Portal I-Staf -> eProses & Sistem Sokongan -> ePengambilan Staf.

Tarikh tutup permohonan ialah pada hari **Isnin, 02 November 2009**

Sila kemukakan permohonan kepada:



**UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA**

PENDAFTAR
(BAHAGIAN PENGURUSAN PERJAWATAN)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
NO.TEL: (03) 5544 3089/ (03) 55211613/
(03) 55443090/3092/3082
EMAIL: perjawatan@salam.uitm.edu.my

[Iklan Jawatan Pentadbiran/azura/141009](#)